
KESEDIAAN KAKITANGAN AKADEMIK DALAM MENERIMA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPT

Dr. Hazlin Falina Rosli
Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: hazlinfalina@kuis.edu.my , Tel: 010-3669540

Safura Ahmad Sabri
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: safura@kuis.edu.my , Tel: 013-9976146

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kesediaan dan penerimaan para pengajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap pelajar berkeperluan khas. Aspek kesediaan dan penerimaan para pengajar dilihat melalui kesedaran mereka terhadap keperluan dan perkhidmatan pelajar berkeperluan khas di IPT. Seramai 32 orang pengajar dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Lokasi soal selidik dijalankan adalah di salah sebuah IPTS. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan para pengajar bersedia berhadapan atau mengajar pelajar berkeperluan khas. Namun mereka memerlukan perkhidmatan seperti alat bantu mengajar yang sesuai serta mencukupi dengan keadaan pelajar mereka dan maklumat tambahan yang berkaitan. Selain itu, pemilihan jurusan juga perlu diberi perhatian kerana tidak semua jurusan bersesuaian dengan pelajar berkeperluan khas. Kajian ini juga menyetujui pentingnya kesedaran kakitangan akademik terhadap keperluan dan perkhidmatan yang dirasakan diperlukan oleh pelajar berkeperluan khas di IPT. Ini kerana golongan ini juga berhak untuk menerima pendidikan setaraf dengan pelajar normal yang lain.

Kata Kunci: Penerimaan, Pelajar Berkeperluan Khas, Kakitangan Akademik, Kesediaan, Pengajaran dan Pembelajaran

PENGENALAN

Seperti golongan normal yang lain, golongan berkeperluan khas juga turut mempunyai keinginan yang sama iaitu melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan adanya pengajian di peringkat lebih tinggi, golongan ini berpeluang untuk meningkatkan ilmu, memperkembangkan kemahiran sosial, memperolehi kelayakan akademik dan berpeluang untuk menjana minda mereka. Kesemua pengalaman ini adalah penting dalam usaha memperkasakan mereka (Hurst, 1996). Ini selaras dengan penyediaan peluang dan akses yang diwartakan dalam Akta OKU 2008. Akta ini menetapkan bahawa orang berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum walaupun mengalami ketidakupayaan (Akta OKU, 2008).

Di institusi pengajian tinggi pihak pengajar merupakan antara kumpulan yang memainkan peranan yang penting bagi menjaga kepentingan atau keperluan mahasiswa/mahasiswi OKU. Berikutan kemasukan mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas ke pusat pengajian tinggi, terdapat perkara yang perlu diambil kira oleh pihak universiti bagi memastikan para pelajar ini mampu menghadapi keperluan akademik yang lebih kompleks berbanding semasa di sekolah.

Pengetahuan dan kesediaan pengajar dalam menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas boleh mewujudkan situasi yang boleh mencetuskan halangan pembelajaran bagi golongan ini. Johnson (2006) menyatakan, pengajar kekurangan pemahaman mengenai pelajar tersebut juga turut menyumbang terhadap kesukaran untuk melakukan akomodasi terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas kerana mereka tidak biasa dengan perkhidmatan di kampus (Johnson, 2006). Para pengajar juga dilihat akan mengalami cabaran untuk menyesuaikan kepelbagaian gaya pembelajaran apabila terdapat mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di dalam kelas mereka. Terdapat kajian yang mengatakan bahawa para pengajar sebenarnya boleh menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas dengan baik (Manisah & Zaleha, 2010). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebenarnya tidak semua pengajar menolak sepenuhnya para pelajar yang berkeperluan khas tetapi penerimaan ini mungkin terhad kepada beberapa fakulti yang sudah biasa atau mempunyai pengetahuan terhadap mah

asiswa/mahasiswi berkeperluan khas. namun tidak boleh dinafikan juga bahawa terdapat pengajar yang kurang mempunyai pengetahuan terhadap pelajar tersebut yang mungkin sahaja membataskan penerimaannya terhadap mereka. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan secara mendalam mengenai kesediaan kakitangan akademik dalam menerima pelajar berkeperluan khas dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT.

PENYATAAN MASALAH

Cabaran untuk menyesuaikan kepelbagaian gaya pembelajaran dan pengajaran juga sebenarnya mempengaruhi kaedah dan pedagogi yang pengajar gunakan dalam pengajaran (Burgstahler, Duclos & Turcotte 2000). Perkara ini sebenarnya tidak akan menjadi satu masalah yang besar sekiranya pengajar mempunyai tahap pengetahuan dan kesediaan yang baik terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas.

Selain itu, pemilihan jurusan juga memainkan peranan yang penting kepada mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT ini kerana pemilihan jurusan yang tepat dengan kebolehan dan keupayaan mereka dapat membantu sistem pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Justeru, kajian ini meneroka konteks kesediaan pengajar dan penerimaan mereka terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di institusi pengajian tinggi.

Beberapa persoalan yang wujud dalam kajian ini antaranya apakah bentuk kesediaan yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran yang perlu disediakan oleh pihak IPT dalam menangani mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas? Selain itu, adakah tenaga pengajar benar-benar bersedia untuk menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas dan sejauh mana kesedaran mereka terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT?

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini dijalankan di salah sebuah IPTS. Seramai 32 orang tenaga pengajar dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Kriteria pemilihan responden meliputi jantina, umur, kaum, taraf pendidikan, sikap terhadap pelajar OKU.

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Maklumat responden	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	24	75
Perempuan	8	25
Kaum		
Melayu	30	93.8
Cina	0	0
India	1	3.1
Lain-lain	1	3.1
Umur		
20-29	2	6.3
30-39	14	43.8
40-49	15	46.9
50-59	1	3.1
60 ke atas	0	0
Tahap Pendidikan		
Ijazah Sarjana	20	62.5
Doktor Falsafah	12	37.5
Sikap Terhadap OKU		
Tidak berminat untuk ambil tahu	0	0
Tahu secara umum	26	81.3
Tahu secara mendalam	6	18.8

Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik yang mempunyai 5 skala likert digunakan mengandungi 24 item berkaitan dengan kesediaan dan penerimaan responden terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Gambaran kesediaan dan penerimaan para pengajar terhadap pelajar OKU dilihat daripada aspek sikap dan kesedaran pengajar terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas, kaedah pendekatan pengajaran yang digunakan untuk mahasiswa/mahasiswi

berkeperluan khas, dan infrastruktur dan persekitaran mesra yang disediakan oleh pihak IPT terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Data daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu melibatkan kekerapan dan peratusan serta min dan sisihan piawai.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Persembahan dan perbincangan dapatan kajian dilakukan mengikut tiga perkara berikut:

- Kesedaran pengajar terhadap keperluan mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT; dan
- Kesediaan pengajar melaksanakan pengajaran untuk mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT; dan
- Bentuk keperluan pengajaran yang diperlukan oleh mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT.

A. Kesedaran Pengajar Terhadap Keperluan Mahasiswa/Mahasiswi Berkeperluan Khas di IPT

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran pengajar terhadap keperluan mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT yang dikaji adalah positif. Ini jelas di mana dapatan min yang tinggi untuk item 6 (min= 4.38) *Saya sedar bahawa pelajar OKU memerlukan bantuan dalam pelajaran mereka*. Item 1 (min 4.31) *Saya sedar bahawa saya perlu meningkatkan kemahiran diri untuk berhadapan dengan pelajar OKU* dan item 7 (min=4.28) *Saya sedar bahawa saya perlu menerima pelajar OKU dalam pelbagai perbezaan kecacatan*. Kesedaran dan kesediaan pengajar untuk menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas penting kerana sikap dan persepsi mereka boleh memberi kesan ke atas motivasi pelajar mereka (Murray et al. 2009). Situasi kesediaan pengajar ini dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Min bagi Penilaian Kesedaran

Bil	Item	Min
1	Saya sedar bahawa saya perlu meningkatkan kemahiran diri untuk berhadapan dengan pelajar OKU.	4.31
2	Saya tahu bahawa prasarana fizikal di institusi saya adalah mesra OKU.	3.19
3	Saya sedar kemudahan pembelajaran di institusi saya memenuhi keperluan pelajar OKU.	3.06
4	Saya mengenali sekurang-kurangnya seorang pelajar OKU.	4.16
5	Saya tahu bahawa saya perlu menggalakkan orang lain untuk bekerjasama dan membantu pelajar OKU dalam apa jua situasi.	4.25
6	Saya sedar bahawa pelajar OKU memerlukan bantuan dalam pelajaran mereka.	4.38
7	Saya sedar bahawa saya perlu menerima pelajar OKU dalam pelbagai perbezaan kecacatan.	4.28

Manakala Item 2 dan 3 dalam Jadual 2 menunjukkan nilai min yang sedikit rendah iaitu *Saya tahu bahawa prasarana fizikal di institusi saya adalah mesra OKU* (min=3.19) dan *Saya sedar kemudahan pembelajaran di institusi saya memenuhi keperluan pelajar OKU* (min=3.06) menunjukkan bahawa institusi pengajian mereka kurang peka terhadap keperluan pelajar OKU. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa sememangnya pengajar di IPT telah bersedia menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas namun persediaan dari segi keperluan fasiliti untuk pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pihak institusi masih perlu ditambah baik. Sejalan dengan statistik yang dikeluarkan oleh PSPTN (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara) 2007, menyebut bahawa golongan OKU merupakan antara golongan yang masih rendah enrolmennya jika dibandingkan dengan keseluruhan enrolmen di peringkat pengajian tinggi. Manakala Reindal (1995) menyatakan bahawa pelajar-pelajar berkeperluan khas sering menghadapi cabaran yang hebat di pusat-pusat pengajian tinggi menyebabkan keupayaan mereka untuk belajar terjejas.

B. Kesediaan Pengajar Melaksanakan Pengajaran Untuk Mahasiswa/Mahasiswi Berkeperluan Khas Di IPT

Pengetahuan pengajar dan kesediaan mereka untuk menerima mahasiswa dan mahasiswi berkeperluan khas juga dilihat mempengaruhi kesediaan untuk membuat perancangan dan pengubahsuaian khusus dalam kursus-kursus yang mereka kendalikan. Merujuk kepada jadual 3 item 3 *Saya bimbang sekiranya pelajar OKU di dalam kelas saya tercicir dalam pembelajaran* (min=3.91) dan *Saya sering memberikan kata-kata semangat kepada pelajar OKU di dalam kelas saya* (min=3.69) menunjukkan bahawa pengajar di IPT bersedia melaksanakan serta cakna dengan pengajaran dan pembelajaran untuk mahasiswa / mahasiswi berkeperluan khas di tempat mereka. Manakala *Saya sering menyediakan bahan-bahan pengajaran mengikut keperluan pelajar OKU saya* (min=2.76) dan *Saya sering berjumpa dengan pelajar OKU di dalam kelas saya* (min=2.66) pula menunjukkan bahawa walaupun kesediaan pengajar wujud namun dari segi kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta fasiliti yang disediakan oleh pihak IPT masih kurang memuaskan untuk digunakan oleh mahasiswa dan mahasiswi. Perancangan yang jitu sepatutnya membantu pelajar untuk mengikuti pengajian dengan baik. Sejalan dengan pendapat Burgstahler, Duclos & Turcotte (2000) mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas secara khususnya memerlukan keperluan dan kemudahan yang berbeza.

Selain itu, pengajar juga perlu mengambil kira keperluan dan jenis pelajar yang mendaftar dalam kursus mereka. Mereka juga hendaklah memastikan strategi pengajaran yang mereka gunakan bersesuaian dengan pelajar terutama untuk pelajar berkeperluan khas. Ini jelas ditunjukkan melalui respon mereka untuk item berkaitan persediaan dan pelaksanaan pengajaran seperti yang ditunjukkan dalam dapatan kajian di Jadual 3.

Jadual 3: Nilai Min bagi Reka Bentuk Pengajaran

Bil	Item	Min
1	Saya sering berjumpa dengan pelajar OKU di dalam kelas saya.	2.66
2	Saya sering menyediakan bahan-bahan pengajaran mengikut keperluan pelajar OKU saya.	2.78
3	Saya bimbang sekiranya pelajar OKU di dalam kelas saya tercicir dalam pembelajaran.	3.91
4	Saya sering memberikan kata-kata semangat kepada pelajar OKU di kelas saya.	3.69

Selain daripada itu, penggunaan pendekatan yang berbeza dalam bilik kuliah juga membantu (Zaitsev, 2010). Keadaan yang sama ditegaskan oleh Cameroon dan Nunkoosin (2012) berkaitan keperluan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan pelajar yang mempunyai keperluan pembelajaran yang berbeza. Mereka menambah sekiranya pengajar mengetahui tentang keperluan pembelajaran yang berbeza dalam kalangan pelajar mereka, pengajar akan dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk pelajar belajar dengan baik. Pengetahuan yang jelas mengenai mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas khususnya kesukaran pembelajaran mereka mampu membantu pengajar menyediakan sokongan pembelajaran yang lebih efektif (Vogel, Fresko & Wertheim, 2007).

Jadual 4: Peratusan Kaedah Pengajaran yang digunakan terhadap pelajar OKU

Bil	Item	Kekerapan	Peratusan
1	Kuliah	28	87.5
2	Tutorial	30	93.8
3	Pembelajaran bersemuka	26	81.3
4	Bahasa Isyarat	1	3.1
5	Blended Learning	13	40.6

Manakala jadual 4 menunjukkan peratusan kaedah pengajaran yang digunakan terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Kaedah tutorial di dalam kelas menunjukkan kekerapan paling tinggi iaitu sebanyak 93.8%. Diikuti pendekatan kuliah di dalam kelas bersama dengan pelajar normal yang lain iaitu sebanyak 87.5%. Penggunaan bahasa isyarat paling rendah digunakan di dalam kajian ini iaitu sebanyak 3.1% sahaja. Ini kerana di IPT kebanyakan tenaga pengajar tidak diberi pendedahan atau cara tertentu untuk menghadapi mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Menurut Burgstahler, Duclos & Turcotte (2000), penyesuaian kepelbagaian gaya pembelajaran dan pengajaran mempengaruhi kaedah dan pedagogi yang pengajar gunakan dalam pengajaran. Perkara ini sebenarnya tidak akan menjadi satu masalah yang besar sekiranya pengajar mempunyai tahap pengetahuan dan kesediaan yang baik terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas.

Pelaksanaan program pengajaran juga turut dilihat dalam kajian ini. Item 4 (min: 3.56) *Saya berpendapat Kementerian Pelajaran sering memberi perhatian kepada sistem pembelajaran OKU di IPT* mencatatkan nilai min paling tinggi, diikuti item 1 (min: 3.19) *Saya berasa kandungan kursus sedia ada sudah menepati keperluan OKU* mewakili nilai min. Ini menunjukkan kandungan atau silibus pengajian yang sedia ada sudah pun mencukupi cuma pengajar perlu menggunakan pendekatan yang kondusif sesuai dengan kehendak mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Ini dapat diterangkan secara jelas melalui jadual 5.

Jadual 5: Nilai Min bagi Pelaksanaan Pengajaran

Bil	Item	Min
1	Saya berasa kandungan kursus sedia ada sudah menepati keperluan OKU.	3.19
2	Saya sering mencadangkan penambahbaikan kandungan kursus kepada pihak fakulti supaya bersesuaian dengan pelajar OKU.	2.84
3	Institusi saya sering mengadakan lawatan penanda aras (<i>benchmarking</i>) ke IPT lain untuk penambahbaikan sistem pembelajaran OKU.	2.41
4	Saya berpendapat Kementerian Pelajaran sering memberi perhatian kepada sistem pembelajaran OKU di IPT.	3.56

C. Bentuk Keperluan Pengajaran Yang Diperlukan Oleh Mahasiswa/Mahasiswi Berkeperluan Khas di IPT.

Keperluan pengajaran dan infrastruktur yang lengkap dan kondusif boleh merangsang mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas untuk meneruskan pengajian di IPT. Melalui hasil dapatan di dalam jadual 6 ini menunjukkan *nota dengan saiz yang besar* menunjukkan skor peratusan paling tinggi iaitu (56.3%) diikuti dengan *braille* (43.8%). Ini menunjukkan bahawa keperluan ini amat diperlukan di IPT bagi menjana keperluan mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Sejalan dengan kajian yang dilakukan oleh Hasnah Toran et., al. (2014), menurutnya sesetengah kemudahan yang disediakan oleh pihak IPT tidak mencukupi. Oleh yang demikian, pihak IPT tersebut perlu memikul tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini dengan baik. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia perlu mewartakan satu polisi yang mewajibkan semua IPT membuat persediaan untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar berkeperluan khas dan bukan lagi membiarkan mereka hanya bergantung kepada belas ikhsan orang-orang di sekeliling.

Jadual 6: Peratusan Keperluan Pengajaran yang di perlukan OKU

Bil	Item	Kekerapan	Peratusan
1	Braille	14	43.8
2	Pemaparan visual	12	37.5
3	Headphone	10	31.3
4	Mikrofon	12	37.5
5	Nota dengan saiz font besar	18	56.3
6	Soalan peperiksaan menggunakan font yang besar	3	9.3

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kesediaan dan penerimaan para pengajar terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di IPT. Kesediaan dan penerimaan para pengajar sangat penting dalam mana-mana institusi pendidikan. Hal ini kerana para pengajar merupakan penggerak dalam institusi pendidikan malah mereka secara tidak langsung merupakan kumpulan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang penuntut. Pengajar yang baik adalah mereka yang bersedia dalam pelbagai keadaan semasa berhadapan dengan pelajar, sama ada dari aspek pelajaran mahupun kebajikan pelajar mereka. Kajian ini menjelaskan bahawa sememangnya semua pengajar bersedia menerima mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas. Perkara ini seharusnya terdapat dalam individu pendidik kerana secara zahirnya, para pengajar akan berhadapan dengan pelbagai jenis insan sama ada dari segi sikap, kemahiran mahupun fizikal mereka. Dari aspek perkhidmatan pula, perkhidmatan yang ada di IPT tempatan sememangnya masih berada pada tahap yang boleh diperbaiki. Banyak kemudahan untuk golongan minoriti ini masih tidak diambil perhatian oleh pihak tertentu. Kemudahan yang mesra OKU merupakan salah satu punca yang boleh mempengaruhi kelancaran pembelajaran mereka. Justeru, pihak tertentu perlu menyelidik dan mengemaskini serta menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada agar mesra OKU.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, para pengajar memerlukan maklumat dan sumber serta alat bantu mengajar yang sesuai mengikut keadaan semua pelajar mereka. Kesimpulannya, IPT merupakan medan untuk golongan ini belajar menguruskan diri sebelum beranjak ke dunia sebenar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa IPT sememangnya mempunyai pengaruh yang besar dalam kejayaan golongan OKU. Justeru, kesediaan dan penerimaan pengajar terhadap golongan OKU adalah sangat penting. Hal ini kerana mereka merupakan salah satu komponen penting dalam menentukan kejayaan dan hala tuju mahasiswa/mahasiswi OKU di IPT.

RUJUKAN

Akta Orang Kurang Upaya. 2008. (Akta 685). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

- Burgstahler, S., Duclos, R. & Turcotte, M. 2000. Preliminary Findings: Faculty, Teaching Assistant and Student Perceptions Regarding Accommodating Environments. DO-IT Project: University of Washington Seattle.
- Cameron, H. & Nunkoosing, K. (2012) Lecturer perspectives on dyslexia and dyslexic students within one faculty at one university in England. *Teaching in Higher Education*, 17(3), 341-352.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. (2014). Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia. *AJTLHE*, Vol 1, No 2, 18-29.
- Hurst, A. (1996) Reflecting on researching disability and higher education, dalam: L. Barton (Pnyt..) *Disability and Society: emerging issues and insights* (pp. 123– 143). London: Longman.
- Johnson, A. L. (2006). Students with disabilities in postsecondary education: Barriers to Success and implication to professionals. *Vistas Online*. Retrieved July12, 2010, <http://counselingoutfitters.com/vistas2006>.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*. http://www.mohe.gov.my/webkpt_v2/transformasi.php [5 Februari 2009].
- Manisah Mohd Ali & Zaleha Saadi. 2010. Perspectives on readiness and acceptance of lecturers in supporting students with special needs in higher education: A case study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7, 661-664.
- Reindal, S.M. 1995. Some problems encountered by disabled students at the University of Oslo whose responsibility? *European Journal of Special Needs*, 10(3), 227-241.
- Vogel, G., Fresko, B. & Wertheim, C. (2007). Peer tutoring for college students with learning disabilities: perceptions of tutors and tutees. *Journal of Learning Disabilities*, 40 (6), 485-493.
- Zaitsev, D.V. (2010). The Focus of attention is on the handicapped college student. *Russian Education & Society*, 52 (2), 57-67.